



25 Mac 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bagi Syor-Syor Laporan PAC Berhubung Pengurusan Wabak Covid-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan Dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) (DR.11/2023).**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil KKM terhadap syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berkaitan Pengurusan Wabak Covid-19 iaitu DR.11/2023 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 30 Oktober 2023. Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada tindakan susulan berkenaan.
3. PAC telah mengadakan prosiding tindakan susulan KKM pada **7 Mac 2024** dan saksi yang hadir adalah seperti berikut:
  - i. **YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor**, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
  - ii. **YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob**, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), KKM; dan
  - iii. **YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli**, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM.

4. PAC berpuas hati dengan tindakan KKM yang telah mendapatkan bayaran balik berjumlah RM16,785,910.95 bagi 104 unit ventilator yang tidak berfungsi.
5. Tindakan KKM ini selaras dengan syor ke-3 Laporan PAC DR.11/2023 iaitu KKM perlu segera menyemak status waranti bagi kesemua 136 unit peralatan ventilator dan memastikan tindakan sewajarnya diambil kepada pihak yang bertanggungjawab. Justeru, PAC mencadangkan supaya wang berkenaan diguna dan ditambah oleh MOF bagi memastikan ketersediaan peralatan ventilator di seluruh hospital Kerajaan.
6. PAC juga telah dimaklumkan bahawa susulan daripada syor PAC, KKM telah mengambil pelbagai tindakan bagi memastikan lebihan stok *boot cover* dan *protective jumpsuit / coverall* dapat digunakan sepenuhnya. Sehubungan itu, PAC mahu KKM memastikan stok *boot cover* dan *protective jumpsuit / coverall* pada kadar optimal bagi persediaan berlaku wabak / pandemik.
7. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan KKM dan ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**